

PERANAN SULTAN SEBAGAI KETUA AGAMA: SOROTAN ISU-ISU BERKAITAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA

Zanariah Dimon

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

zanariah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat dan menggunakan sistem pemerintahan beraja. Ia diperkukuhkan lagi di dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi konsep Raja Berperlembagaan. Konsep tersebut merupakan salah satu ciri yang unik dan penting di Malaysia. Ini kerana, konsep Raja Berperlembagaan merupakan salah satu daripada unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Malaysia selain agama Islam, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bahasa Melayu. Institusi beraja ini juga dikaitkan dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia. Perlembagaan Persekutuan mengekalkan Sultan sebagai Ketua Agama di negeri-negeri Melayu beraja berdasarkan peruntukan dalam Perkara 3(2). Oleh itu, Sultan berperanan sebagai Ketua Agama di negeri masing-masing dan bertanggungjawab menjaga hal ehwal agama Islam, memperkenalkan penggubalan undang-undang Islam serta menubuhkan Majlis Agama Islam di peringkat negeri. Dalam menjalankan perannya sebagai Ketua Agama, Sultan dibantu dan dinasihati oleh Majlis Agama Islam dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam. Justeru, artikel ini akan membuat sorotan terhadap peranan Sultan sebagai Ketua Agama dalam isu-isu berkaitan agama Islam di Malaysia. Kaedah yang digunakan adalah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa semua perkara yang berkait dengan agama Islam mestilah mendapat perkenan Sultan sebagai Ketua Agama. Peranan ini menggambarkan kekuasaan dan tanggungjawab Sultan terhadap Islam. Oleh itu, tidak dapat dinafikan mengenai pentingnya peranan dan status turun temurun Sultan dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam dalam keadaan selamat dan terpelihara serta dihormati dalam apa jua keadaan.

Kata kunci: Sultan, Ketua Agama, Islam, Sultan, pentadbiran agama Islam

Pengenalan

Pemerintahan beraja di Malaysia merupakan salah satu unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Malaysia dan ia merupakan salah satu ciri yang unik dan penting di Malaysia. Melalui sistem beraja ini, raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri-negeri khususnya sebelum penjajahan Inggeris. Setelah mencapai kemerdekaan, Institusi Beraja ini diteruskan dengan beberapa pindaan untuk disesuaikan dengan konsep Raja Berperlembagaan. Institusi pemerintahan beraja ini dikaitkan dengan persoalan agama kerana Sultan adalah Ketua Agama Islam dan bertanggungjawab menjaga agama Islam di negeri masing-masing. Semua perkara berkaitan persoalan agama dikendalikan oleh institusi Sultan dengan dibantu oleh pihak berkuasa agama di setiap negeri. Justeru, artikel ini bertujuan menjelaskan peranan dan kuasa-

kuasa Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam perkembangan dan pentadbiran agama Islam di negeri-negeri di Malaysia.

3. Sejarah Institusi Kesultanan Melayu di Malaysia

Sejarah membuktikan bahawa pemerintahan beraja memang telah sedia wujud dalam sistem sosial di negeri-negeri Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu lagi. Sebelum penjajahan Inggeris, Sultan mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh para pembesar negeri. Begitu juga pada peringkat awal penjajahan Inggeris, Sultan masih diiktiraf sebagai pemerintah yang berdaulat dan memiliki kuasa penuh di dalam negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, lama kelamaan keadaan telah berubah kerana kuasa mutlak Sultan telah mula hilang secara beransur-ansur pada zaman penjajahan Inggeris. Melalui beberapa siri perjanjian dengan British, Sultan perlu menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen atau Penasihat British kecuali perkara-perkara yang menyentuh tentang agama Islam dan adat istiadat Melayu (Nazri Muslim. 2014).

Menurut Salleh Abas (1985), kuasa Sultan terhad dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam sementara kuasa pentadbiran negeri dipegang oleh Residen dan Gabenor ini berlanjutan sehinggalah apabila diperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, akibat dari penentangan oleh orang Melayu, Perlembagaan Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Menerusi perlembagaan baru ini, hak-hak sultan telah dikembalikan semua kepada mereka. Sultan diberi hak untuk mengambil tahu hal-hal berkenaan dengan pembuatan undang-undang. Kedudukan Institusi Beraja ini kemudian diperkukuhkan lagi dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 menerusi konsep Raja Berpelembagaan

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, institusi-institusi pemerintahan beraja diteruskan dengan beberapa pindaan supaya disesuaikan dengan konsep demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Menurut konsep Raja Berperlembagaan, mereka dikehendaki menerima nasihat daripada Menteri dan bertindak menurut nasihat-nasihat itu. Sebagai contoh, di peringkat pusat, Yang di-Pertuan Agong, dalam menjalankan tugas-tugasnya, baginda hendaklah bertindak menurut nasihat Kabinet. Manakala di peringkat negeri pula Sultan hendaklah bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan. Namun, dalam hal ini, nasihat yang diberikan harus dipandu oleh peruntukan dan semangat perlembagaan. Ini menjelaskan bahawa nasihat yang bercanggah dengan perlembagaan dan undang-undang tidak perlu dipatuhi (Nazri Muslim. 2014).

Yang di-Pertuan Agong mestilah dilantik daripada seorang Sultan yang dipilih daripada Sultan sembilan buah Negeri Melayu. Berdasarkan konsep Raja Berperlembagaan, Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa memerintah Persekutuan dan Baginda dikehendaki bertindak atas nasihat Kabinet. Di peringkat negeri pula, iaitu merujuk kepada Perlembagaan Negeri Melayu, kecuali Perlembagaan Negeri Sembilan, Sultan merupakan Ketua Negerinya dan mempunyai kuasa eksekutif negeri. Namun begitu, kuasa itu hendaklah dilaksanakan atas nasihat Majlis Mesyuarat atau Menteri Besar

Institusi beraja ini juga dikaitkan dengan persoalan dan isu-isu berkaitan agama Islam. Di peringkat Persekutuan, Perlembagaan tidak menetapkan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama bagi seluruh Persekutuan. Walau bagaimanapun, perlembagaan menetapkan

tanggungjawab ke atas baginda supaya menjaga Islam. Ini dinyatakan dalam sumpah jawatan berkenaan di mana Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab oleh perlembagaan untuk memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri. Walaupun baginda tidak diletakkan sebagai Ketua Agama bagi seluruh persekutuan, baginda mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan memastikan kedudukan Islam tidak tercemar.

4. Kuasa Sultan Sebagai Ketua Agama Islam Negeri-negeri Di Malaysia

Berdasarkan kepada pemahaman Islam sebagai agama bagi Persekutuan dalam skop yang sempit dan terhad hanya kepada aspek keraian dan upacara rasmi negara sahaja, ia tidak menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Selaras dengan itu, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa kuasa pentadbiran undang-undang Islam adalah terletak di bawah negeri-negeri dalam Persekutuan. Namun, kuasa ini bukanlah bersifat menyeluruh kerana hanya boleh dikuatkuasakan ke atas orang Islam, dalam lingkungan sempadan negeri dan hanya mencakupi bidang-bidang yang sempit iaitu undang-undang diri dan keluarga. Undang-undang jenayah pula cuma dibenarkan berdasarkan peruntukan yang telah diberi Kerajaan Pusat kepada negeri untuk menggubal undang-undang tersebut. (Tajul Aris Ahmad Bustami. 2005).

Kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan telah meletakkan kuasa raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Semua perlembagaan negeri telah mempunyai peruntukan Islam sebagai agama negeri dan Raja sebagai ketua agama Islam bagi negeri. Di Wilayah-wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak yang merupakan negeri tidak mempunyai Raja, ketua agama untuk negeri-negeri berkenaan adalah Yang diPertuan Agong. Pada masa yang sama juga Yang diPertuan Agong akan terus menjadi ketua agama negerinya (Zaini Nasohah. 2018). Ini dibuktikan menurut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengekalkan Sultan sebagai Ketua Agama di negeri-negeri Melayu beraja berdasarkan peruntukan dalam Perkara 3(2). Manakala bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing berdasarkan Perkara 3(3). Melalui Perlembagaan Persekutuan Juga Yang di-Pertuan Agong dijadikan Ketua Agama bagi Wilayah-wilayah Persekutuan berdasarkan Perkara 3(5) (Shamrahayu A. Aziz. 2013). Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah jelas seperti berikut:

Perkara 3(2):

Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak, kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Sultan supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang Di Pertuan Agong mewakilinya.

Perkara 3(3):

Perlembagaan-perlembagaan bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang Di Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama dalam Negeri itu.

Perkara 3(5):

Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini. Yang Di Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dalam Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam.

Berikutan itu, kedaulatan Sultan sebagai Ketua Agama di negeri-negeri beraja dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama bagi negeri-negeri tidak beraja telah diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang tubuh negeri-negeri Melayu ini. Antaranya dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959, Bab 1, Perkara XLVIII yang memperuntukkan, “Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua Agama negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri”. Agama negeri yang dimaksudkan dalam peruntukan tersebut adalah agama Islam berdasarkan Perkara XLVII; “Agama Islam sebagaimana yang dianuti dan diamalkan dalam Negeri ini hingga kini hendaklah menjadi agama Negeri”.

Begitu juga peruntukan yang sama dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang 1959, Perkara 24(1) menyatakan bahawa “Ketua Agama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut bagi maksud mengatur hal ehwal agama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam bagi menolong dan menasihati Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai agama Islam dan adat resam Melayu”. Manakala Undang-undang Tubuh Kerajaan Melaka memperuntukkan dalam Perkara 5(1), “Yang diPertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dalam negeri”, dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, Perkara 6(2) menyatakan, “Pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa Ketua Agama Islam dalam negeri ini, dulu Yang Maha Mulia hendaklah mendapat persetujuan undang yang empat”.

Berdasarkan ketetapan dalam undang-undang tubuh negeri berkenaan sebagai contoh, Sultan berperanan sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing dan bertanggungjawab menjaga hal ehwal agama Islam, memperkenalkan penggubalan undang-undang Islam serta menubuhkan Majlis Agama Islam di peringkat negeri. Dalam menjalankan peranannya sebagai Ketua Agama, Sultan dibantu dan dinasihati oleh Majlis Agama Islam dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam. Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 memperuntukkan, “maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam Selangor” untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang

berhubungan dengan agama Islam”. Begitu juga dengan negeri-negeri lain yang memperuntukkan kuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri untuk membantu dan menasihati Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam perkara-perkara berhubung agama Islam kecuali perkara keadilan dan hukum syarak.

Sehubungan itu, semua perkara yang berkait dengan agama Islam mestilah mendapat perkenan Sultan sebagai Ketua Agama Islam. Tidak dapat dinafikan mengenai pentingnya peranan dan status turun temurun Sultan dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam. Memetik titah utama Y.A.M Raja Muda Perak (ketika itu) (Hairuddin. 2008):

“Raja juga telah dimaktubkan sebagai Ketua Agama Islam. Peranan ini telah diwarisi sejak era kesultanan Melayu Islam dan tidak pernah dipindahkan bidang kausanya. Islam adalah petunjuk moral kepada pemerintahan yang harus diterjemahkan melalui sifat adil lagi saksama, tidak melakukan kezaliman, tidak melakukan penindasan-nilai yang sejagat sifatnya-nilai yang terkandung dalam semua agama. Ajaran Islam begitu sehati dengan institusi Kesultanan Melayu kerana telah sedia terkandung perselarian nilai dan amal yang dianjurkan oleh Islam dalam sistem pemerintahan di era Kesultanan Melayu. Undang-undang Melaka umpamanya menjelaskan bahawa martabat tinggi seseorang Sultan itu dinilai daripada sudut amal makruf baginda menyempurnakan tanggungjawab”.

Shamrahayu A. Aziz (2013) menegaskan bahawa walaupun istilah Ketua Agama ini agak baharu iaitu dalam tradisi kepimpinan berkaitan agama Islam, tetapi ia menggambarkan tentang kekuasaan dan tanggungjawab Sultan terhadap Islam. Kedudukan sebagai Ketua Agama tidak bersifat *ceremonial*. Malahan, kedudukan sebagai Ketua Agama merupakan tanggungjawab yang besar sebagai pemimpin untuk memastikan agama Islam sentiasa terpelihara dan dihormati. Ketua Agama berperanan untuk meletakkan kedudukan agama Islam dalam keadaan selamat dan terpelihara serta dogma-dogma dan amalan-amalan agama, termasuk perundangannya dihormati dalam apa jua keadaan.

5. Peranan Sultan dalam Isu-isu Agama Islam di Malaysia

Kuasa mentadbir hal ehwal orang-orang Islam pada dasarnya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa raja-raja negeri berkenaan. Sementara kuasa perundangan yang berkait dengan hal ehwal undang-undang Islam merupakan tanggungjawab Badan Perundangan Negeri. Kuasa perundangan tersebut termasuklah mengadakan suatu bentuk undang-undang khusus berhubung hal ehwal orang Islam. Namun demikian, undang-undang itu hendaklah tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang terdapat dalam undang-undang Persekutuan. (Zaini Nasohah. 2004). Secara umumnya, bidang kuasa undang-undang Islam yang dilaksanakan di negeri-negeri di Malaysia telah diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Fasal 1 Perlembagaan Persekutuan iaitu meliputi undang-undang mengenai orang Islam dalam negeri berkenaan berkaitan urusan diri dan keluarga serta perkara hukum syarak. Sehubungan itu, peranan Sultan adalah sangat besar dalam memastikan ketertinggian agama Islam dan undang-undangnya dipelihara dan dihormati. Secara umumnya bahagian ini akan menjelaskan peranan Sultan dalam beberapa isu iaitu pentadbiran agama Islam, pengeluaran fatwa atau hukum syarak, kehakiman Islam dan isu-isu semasa berkaitan agama Islam yang memerlukan kuasa dan peranan Sultan sebagai Ketua Agama Negeri.

5.1 Pentadbiran Agama Islam

Pada dasarnya, Sultan adalah pihak berkuasa utama dan tertinggi dalam urusan yang berkaitan agama Islam di peringkat negeri sesuai dengan peranannya sebagai Ketua Agama. Dari segi teorinya, Sultan boleh bertindak mengikut budi bicaranya dalam urusan agama. Namun hakikatnya, Sultan termasuk Yang Di Pertuan Agong bagi negeri-negeri tidak beraja seperti Melaka dan Pulau Pinang adalah bertindak mengikut nasihat pihak berkuasa agama Negeri iaitu Majlis agama Islam dalam aspek pentadbiran agama Islam, Mahkamah Syariah dalam bidang pentadbiran keadilan dan Mufti Negeri dalam perkara-perkara berkaitan hukum syarak. Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 memperuntukkan, “Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas DYMM Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini”. Melalui peruntukan tersebut juga jelas menunjukkan bahawa Sultan adalah pihak berkuasa utama dalam urusan berkaitan hal ehwal agama Islam termasuk undang-undangnya di peringkat negeri.

Justeru, sebagai pihak berkuasa utama dalam hal ehwal agama Islam, Sultan mempunyai peranan yang penting dalam pentadbiran agama Islam di negeri berkenaan. Di antaranya adalah perlantikan dan pentauliahah ahli-ahli Majlis agama Islam negeri dan pengarah jabatan agama Islam mestilah dengan perkenan sultan. Begitu juga perlantikan penjawat-penjawat agama yang lain seperti Mufti, Ketua Hakim Syarie, Hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Ketua Pendakwa Syarie mestilah melalui kuasa Sultan yang mendapat nasihat daripada Majlis agama Islam. Sebab itu, dalam banyak isu-isu berkaitan agama Islam seperti isu politik di masjid, dua imam dalam satu masjid dan sebagainya biasanya berakhir dengan baik apabila Sultan campur tangan dengan mengeluarkan titah berhubung isu-isu berkaitan. Ini menunjukkan masyarakat Islam di peringkat negeri sangat menghormati kuasa Sultan sebagai Ketua Agama.

5.2 Kehakiman Islam

Sultan sebagai Ketua Agama memiliki kuasa dalam aspek kehakiman Islam iaitu melantik hakim, mengampunkan, menangguhkan dan mengurangkan hukuman (Mashitoh Mohamad Hashim. 2017). Kuasa Sultan dalam melantik hakim jelas diperuntukkan dalam undang-undang Islam negeri-negeri, contohnya dalam seksyen 56, 57, 58 dan 59 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 mengenai perlantikan ketua hakim syarie, hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah oleh Sultan di Selangor. Begitu juga dalam seksyen 12(1) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, seksyen 58(1) di Johor dan seksyen 47(1) di Perak memperuntukkan mengenai kuasa Sultan melantik hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Selain itu, Sultan juga memiliki kuasa mengampunkan, menangguhkan dan mengurangkan hukuman bagi pesalah yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Syariah. Di Selangor, Sultan berkuasa menggantung atau meremitkan pelaksanaan keseluruhan atau mana-mana bahagian hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah berdasarkan seksyen 132(1) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003. Kuasa yang sama juga diperuntukkan di negeri-negeri lain. Ini dibuktikan dalam kes yang popular di Pahang suatu ketika dahulu iaitu kes *Timbalan*

Pendakwa Syarie lwn. Kartika Sari Dewi Shukarno (2010) 1 CLJ 172 mengenai hukuman yang dikenakan ke atas pesalah Kartika Sari Dewi bagi kesalahan minum minuman memabukkan berdasarkan seksyen 136 Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Pindaan) 1987. Apabila Mahkamah Tinggi Syariah telah menjatuhkan hukuman RM5000 denda atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebatan tidak melebihi enam sebatan. Kes ini telah menimbulkan banyak isu dalam kalangan masyarakat, pengamal undang-undang, ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ketika itu kerana melibatkan hukuman sebatan kepada pesalah wanita yang dianggap sebagai kejam dan tidak berpersi kemanusiaan walaupun pesalah sebenarnya tiada halangan dan masalah untuk dikenakan hukuman tersebut. Walau bagaimanapun, kontroversi ini telah berakhir apabila hukuman tersebut telah ditukarkan kepada khidmat masyarakat selama tiga minggu dengan perkenan Sultan Pahang ketika itu. Kuasa Sultan sedemikian adalah berdasarkan seksyen 132 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Pahang 2002 iaitu kuasa mengampunkan atau mengurangkan hukuman pesalah kes syariah walaupun tiada rayuan dikemukakan kepada Baginda atau Mahkamah Rayuan Syariah.

5.3 Hukum Islam atau Fatwa Negeri

Perlantikan Mufti di peringkat negeri adalah sama iaitu melalui kuasa Sultan kecuali negeri Melaka, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang Mufti dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong setelah mendapat persetujuan dan cadangan daripada Majlis Mesyuarat Negeri atau Yang Di Pertua Negeri (Kasan. 2001). Sebagai contoh di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 menyatakan bahawa Sultan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti bagi negeri Selangor berdasarkan seksyen 44(1). Begitu juga peruntukan yang sama di Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Sementara di negeri Melaka pula seksyen 32(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2002 menyatakan Yang di-Pertuan Agong hendaklah atas nasihat Ketua Menteri melantik seorang yang layak dan sesuai menjadi Mufti Kerajaan Negeri. Mufti ini pula akan bertindak sebagai pihak berkuasa utama yang akan membantu dan menasihati Sultan, contohnya dalam dalam seksyen 45 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 memperuntukkan iaitu, “Mufti hendaklah membantu dan menasihati DYMM Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas DYMM Sultan...”.

Dalam proses pengeluaran fatwa di peringkat negeri, Sultan memiliki kuasa untuk memperkenankan fatwa yang telah diputuskan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri sebelum ia disiarkan dalam Warta Negeri untuk dikuatkuasa kepada semua orang Islam yang berada di negeri berkenaan. Sebagai Ketua Agama negeri-negeri, Sultan juga boleh menyelesaikan kekeliruan dan percanggahan pendapat mengenai sesuatu isu yang berkait dengan hukum syarak. Sebagai contoh, terdapat perbahasan mengenai isu agihan zakat kepada bukan Islam baru-baru ini. Berkaitan dengan isu ini, Sultan Selangor telah mendapat nasihat daripada Mufti Selangor bahawa agihan zakat kepada bukan Islam dibolehkan hanya jika ia menjadi penyebab individu terbabit memeluk Islam, di bawah asnaf *Mu'allafati Qulubuhum*. Sultan Selangor telah menegaskan bahawa mengikut Islam, kutipan zakat hendaklah diagihkan kepada lapan golongan asnaf, termasuk fakir, miskin dan mu'allaf daripada kalangan umat Islam sahaja (Malaysiakini. 4 Nov. 2019). Titah Sultan tersebut dikira telah dapat menjelaskan kekeliruan yang timbul berkaitan persoalan hukum syarak berkenaan.

5.4 Penyelarasan Undang-undang Islam

Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang Islam yang tersendiri berdasarkan bidang kuasa negeri masing-masing. Keadaan ini menimbulkan isu ketidakselarasan dan ketidakseragaman undang-undang Islam yang mengakibatkan perbezaan dalam pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam serta penghakiman di Mahkamah Syariah antara negeri-negeri di negara ini (Mahamad Arifin et al., 2007). Isu penyelarasan undang-undang Syariah bagi negeri-negeri seluruh Malaysia bukanlah satu perkara yang baru dan banyak usaha telah dilaksanakan untuk menyeragamkan undang-undang tersebut, namun sehingga kini ia masih belum dapat mencapai matlamatnya. Seterusnya, perkembangan terkini pada akhir tahun 1990-an telah menyaksikan usaha lebih giat dilakukan untuk penyelarasan undang-undang Islam di Malaysia. Majlis Raja-raja melalui mesyuarat yang ke 176 pada 1 Ogos 1997 telah bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan yang mengarahkan supaya penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah di semua negeri dilakukan. Berikutan dengan itu, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal ehwal agama Islam Malaysia yang ke 39 pada 10 Oktober 1997 telah membuat keputusan bersetuju dengan cadangan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah di seluruh Malaysia. Mesyuarat juga bersetuju supaya draf undang-undang yang berrkaitan digubal oleh Bahagian Penasihat Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil, JAKIM dan seterusnya hendaklah dijadikan model oleh negeri-negeri di Malaysia (Mahamad Arifin et al., 2007).

Draf undang-undang yang telah digubal akan dibincangkan selanjutnya dengan negeri-negeri akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan. Undang-undang itu kemudiannya hendaklah dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja untuk diperkenankan. Setelah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja, draf rang undang-undang tersebut hendaklah diterima pakai oleh negeri-negeri tanpa apa-apa pindaan dan seterusnya dibentangkan dalam Persidangan dewan Undangan Negeri masing-masing. Sehubungan itu, JAKIM dan Jabatan Peguam Negara telah menyediakan enam rang undang-undang sebagai contoh untuk diguna pakai di negeri-negeri. Enam rang-undang tersebut adalah Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah, Undnag-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah.

Penggubalan keenam-enam rang undang-undang ini dibuat berdasarkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan kecuali Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang digubal berdasarkan Enakmen Undnag-undang Tatacara Mal yang sedang berkuat kuasa di negeri Perak. Penggubalan ini juga mengambil kira hasil kajian mengenai ketidakselarasan dan ketidakseragaman undang-undang syariah antara negeri-negeri dengan memberi tumpuan kepada enam undang-undang yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri (Mahamad Arifin et al., 2007). Usaha telah dilakukan secara berterusan di peringkat persekutuan untuk menyelaras dan menyeragamkan undang-undang Islam yang diamalkan di negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu, pada tahun 2000-an, kebanyakan negeri telah menerima draf undang-undang tersebut dan meminda enakmen-enakmen terdahulu dalam tajuk yang sama (Abdul Monir Yaacob, 2009). Contohnya negeri Johor telah menerima dan mengkanunkan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003 dan Enakmen Undang-

undang Keluarga Islam 2003. Begitu juga langkah yang sama telah diambil oleh kebanyakan negeri-negeri lain di Malaysia (rujuk senarai enakmen terkini di setiap negeri). Justeru itu, walaupun tidak kesemua bidang kuasa undang-undang Islam di peringkat negeri dapat diselaras dan diseragamkan, namun usaha-usaha yang telah dibuat menunjukkan kesungguhan bagi meningkatkan kedudukan undang-undang Islam.

Usaha-usaha penyelarasan undang-undang Islam ini juga sebenarnya akan menghadapi jalan sukar tanpa adanya kuasa Sultan dan Majlis Raja-raja yang dianggotai oleh semua Raja-raja Melayu ini. Peranan Sultan sebagai pihak berkuasa utama dalam hal ehwal agama Islam sangat penting bagi memastikan usaha penyelarasan yang dibuat di peringkat Persekutuan dan negeri mencapai kejayaan iaitu melalui perkenan Sultan tanpa pengubahsuaian atau pengubahsuaian yang perlu mengikut keperluan dan kesesuaian di peringkat negeri.

5.5 Kemaslahatan Umat Islam dan Kesejahteraan Negeri

Peranan Sultan sebagai Ketua Agama juga sangat penting ketika Negara sedang dilanda *pandemic* wabak covid-19 ketika ini bagi memastikan agama tidak menjadi penyebab kepada penularan wabak penyakit berjangkit ini. Sehubungan itu, Sultan telah menggunakan kuasa sebagai Ketua Agama untuk menggesa pihak berkuasa agama khususnya Majlis agama Islam dan Mufti untuk melaksanakan proses kawalan penyakit berjangkit tersebut. Oleh itu, pada peringkat awal Perlaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia, kebanyakan negeri telah menetapkan dengan titah Sultan supaya solat fardu berjemaah dan solat Jumaat tidak dilakukan di masjid dan digantikan dengan solat zohor di kediaman masing-masing sepanjang tempoh PKP tersebut (Berita Harian. 2020). Kemudian, ketetapan telah berubah dari semasa ke semasa dengan melihat kepada perkembangan semasa jangkitan tersebut dan Sultan juga telah menitahkan supaya setiap jemaah yang telah dibenarkan menghadiri masjid wajib mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan agama Islam negeri masing-masing khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka ketika hadir di masjid dan surau serta mengamalkan penjarakan sosial.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini menghujahkan bahawa Kesultanan Melayu merupakan tonggak dan payung utama bagi agama Islam di Malaysia umumnya dan negeri khususnya. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan perlantikan Yang di-Pertuan Agong mestilah dilantik daripada kalangan Raja-raja Melayu di negeri-negeri Melayu dan di dalam setiap perlembagaan negeri menghendaki rajanya seorang berbangsa Melayu, beragama Islam dan daripada keturunan diraja. Di dalam sumpah memegang jawatan Yang di-pertuan Agong, baginda mengangkat sumpah dengan didahului oleh lafaz, “Wallahi, wabillahi, watallahi” yang merupakan lafaz sumpah yang dikehendaki dalam agama Islam. Begitu juga peruntukan dalam perlembagaan negeri dan undang-undang tubuh negeri mengenai perlantikan Sultan atau Raja-raja bagi negeri berkenaan. Tanggungjawab untuk memelihara agama Islam adalah tanggungjawab dan peranan Sultan yang mesti dibantu oleh semua pihak dalam urusan pentadbiran negeri. Menegaskan semula petikan titah utama Y.A.M Raja Muda Perak (ketika itu) bahawa “Raja juga telah dimaktubkan sebagai Ketua Agama Islam. Peranan ini telah diwarisi sejak era kesultanan Melayu Islam dan tidak pernah

dipindahkan bidang kausanya. Islam adalah petunjuk moral kepada pemerintahan yang harus diterjemahkan melalui sifat adil lagi saksama, tidak melakukan kezaliman, tidak melakukan penindasan-nilai yang sejagat sifatnya-nilai yang terkandung dalam semua agama. Ajaran Islam begitu sehati dengan institusi Kesultanan Melayu kerana telah sedia terkandung perselarian nilai dan amal yang dianjurkan oleh Islam dalam sistem pemerintahan di era Kesultanan Melayu.” Justeru, Ketua Agama berperanan untuk meletakkan kedudukan agama Islam dalam keadaan selamat dan terpelihara serta dogma-dogma dan amalan-amalan agama, termasuk perundangannya dihormati dalam apa jua keadaan.

7. Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. 2009. Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian. *Jurnal Fiqh*. Bil. 6. 1-20.
- Hairuddin Megat Latif, Che Asiah Abdullah. 2008. Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajaran berdasarkan Faktor Kesultanan Melayu. *REKAYASA Journal of Ethics, Legal and Governance*. 4. 1-12
- Hasnan Kasan. 2001. Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar’iyyah. *Jurnal Pengajian Umum*. Bil. 2 . 37-63
- Mashitoh Mohamad Hashim dan Mohd Al-Adib Samuri. 2017. Sorotan Literatur Kuasa Sultan dalam Kehakiman Islam. *Islamiyyat*. 39(1). 11-20
- Muhammad Iklas Rosele. 2018. Peranan Sultan dalam Perkembangan Islam di Negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jil 29. 51-77
- Nazri Muslim. 2014. Institusi Sultan: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 2 (2). 121-127
- Mahamad Arifin et.al. 2007. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam dan Normaizatul Akmar Ishak. Persepsi Rakyat Terhadap Institusi Raja. Satu Kajian Kes di Perlis dan Kedah. *Prosiding Seminar Institusi Raja (siRAJ)*
- Salleh Abas. 1985. *Unsur-unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shamrahayu A. Aziz. 2013. Kedaulatan Islam Sebagai Agama Negara – Peranan Raja- raja Melayu Berpaksi Perlembagaan Persekutuan. *Kertas Kerja Seminar Mendaulatkan Islam Agama Negara. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) dan JAKIM*. 5 Januari 2013.
- Zaini Nasohah. 2018. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Peruntukan Akta dan Enakmen*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zaini Nasohah. 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Berita Harian. 19 Mac 2020. Covid-19: solat Jumaat diganti solat zuhur. www.bharian.com.my. 16 Nov. 2020.

Statut:

Perlembagaan Persekutuan

Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Kedah) 2008

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003